



17 JAN, 2025

UEM Lestra bekal tenaga elektrik hijau kepada ESR Group

Berita Harian, Malaysia



Fadillah
 pada Majlis
 Pelancaran Portal
 MyEnergyStats
 dianjurkan
 Suruhanjaya
 Tenaga,
 di Putrajaya,
 semalam.
 (Foto ihsan FB
 Fadillah Yusof)

UEM Lestra bekal tenaga elektrik hijau kepada ESR Group

UEM Lestra akan membekalkan tenaga elektrik hijau kepada ESR Group Ltd menerusi kerjasama strategik di bawah program Skim Pembekalan Tenaga Boleh Baharu Korporat (CRESS).

Pertukaran dokumen pembekalan elektrik hijau itu disaksikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof pada Majlis Pelancaran Portal MyEnergyStats yang dianjurkan Suruhanjaya Tenaga, semalam.

Kementerian Peralihan Tenaga dan Sumber Asli (PETRA) dalam kenyataan memaklumkan UEM Lestra akan bertindak sebagai penjana Tenaga Boleh Baharu (TBB) untuk membekalkan tenaga elektrik hijau.

Bekalan elektrik itu akan disalurkan melalui sistem grid utiliti kepada ESR Group Limited mengikut kadar dan tempoh dipersetujui bersama.

Kerjasama pembekalan elektrik hijau antara UEM Lestra dan ESR Group ini antara yang terawal berjaya dimeterai sejak pelancaran program CRESS pada 20 September tahun lalu.

Selain itu, TNB Renewables menandatangani perjanjian serupa dengan Bridge Data Centre (BDC) bagi pembekalan 400 megawatt tenaga elektrik hijau melalui akses pihak ketiga, menjadikan usaha ini pencapaian penting dalam memacu komitmen kelestarian tenaga di negara ini.

Program CRESS diperkenalkan sebagai inisiatif kerajaan untuk memperluas pilihan dan akses kepada tenaga elektrik hijau bagi pengguna korporat di Semenanjung.

Langkah ini sejajar komitmen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang menjadi keutamaan syarikat korporat dalam as-

pek bekalan elektrik.

Menurut PETRA, program ini memberi peluang kepada syarikat untuk memenuhi matlamat ESG mereka dengan menggunakan tenaga hijau secara langsung daripada penjana TBB.

Bagi meningkatkan keberkesanan Program CRESS, PETRA turut memperkenalkan beberapa penambahbaikan yang akan berkuat kuasa mulai 1 Mac ini.

Penambahbaikan itu termasuk membuka penyertaan kepada pengguna elektrik sedia ada yang ingin mendapatkan tenaga hijau terus daripada penjana TBB.

Selain itu, Caj Akses Sistem (CAS) akan dikekalkan untuk tempoh tiga tahun berdasarkan rangka kerja regulatori 'Incentive Based Regulation' (IBR) dengan kadar perubahan CAS tidak melebihi 15 peratus daripada nilai semasa bagi setiap tempoh regulatori.